

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bahau berkata, kerajaan negeri turut bersetuju untuk menaik taraf gerai penjaja di Pusat Perniagaan Kiara membabitkan peruntukan berjumlah RM300,000.

Katanya, ia bagi memberi keselesaan kepada peniaga dan orang ramai yang datang ke situ.

Dalam perkembangan lain, Kok Seong berkata kerajaan negeri tidak berhasrat mengenakan sebarang tindakan terhadap pemilik premis perniagaan yang enggan memasang Jalur Gemilang.

"Tiada paksaan untuk mereka memasang Jalur Gemilang, biarlah ia dibuat dengan penuh sukarela sebagai rakyat Malaysia," katanya.